

Pendirian hantar pulang pendatang tanpa izin Indonesia diteruskan

BH 18 OCT 2000

LANGKAWI, Selasa – Malaysia tetap dengan pendirian untuk terus menghantar pulang pendatang tanpa izin Indonesia dan mereka yang tidak mempunyai pekerjaan di negara ini.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata kerajaan tidak menghalang kemasukan rakyat Indonesia jika ada pekerjaan untuk mereka tetapi bagi mereka yang masuk secara haram akan dihantar pulang.

“Jika kita mempunyai pekerjaan untuk mereka tidak mengapa. Tetapi kerap kali mereka ke sini tanpa mengetahui sama ada mereka akan mendapat pekerjaan atau sebaliknya.

“Justeru, jika mereka tidak mempunyai pekerjaan, jelas ia akan menimbulkan masalah kerana kita perlu menyediakan makanan dan rumah yang memerlukan peruntukan ke-

wangan kepada kita.

“Jadi, mereka yang berada di sini dan tidak mempunyai pekerjaan serta datang tanpa izin perlu dihantar pulang,” katanya pada sidang akhbar bersama dengan Presiden Indonesia, Abdurrahman Wahid di sini hari ini.

Presiden Indonesia itu mengadakan perbincangan tertutup dengan Dr Mahathir dalam lawatan kerja dua hari ke negara ini.

Selain pertemuan tertutup kedua-dua pemimpin, mereka juga mengadakan mesyuarat dua hala delegasi mengenai kepentingan bersama. Hadir sama Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar dan rakan sejawatannya Dr Alwi Shihab.

Dr Mahathir juga berkata, isu pendatang tanpa izin adalah antara isu yang dibincangkan dalam mesyuarat dua hala delegasi untuk mencari kata se-

pakat bagi mengatasi masalah itu.

Kemasukan pendatang tanpa izin Indonesia adalah masalah berterusan yang ditangani pihak berkuasa kedua-dua negara, khususnya Jabatan Imigresen yang menguruskan penghantaran pulang.

Mengulas perkara yang sama, Abdurrahman berkata, isu berkenaan sudah lama mendapat perhatian kerajaan kedua-dua negara.

“Jadi, tidak perlu ada pernyataan dari pihak Malaysia bahawa kami merundingkan mengenai masalah pekerja Indonesia, terutama pekerja gelap (pendatang haram).

“Tidak ada masalah apa-apa. Kita akan cuba memecahkan masalah ini bersama. Saya juga diberitahu menteri dalam negeri, persetujuan untuk menghantar mereka pulang ditanggung (kos)

bersama,” katanya.

Mengenai isu lain, Dr Mahathir berkata, perbincangannya dengan Abdurrahman mendapati tidak ada sebarang perbezaan pendapat kedua-dua negara dalam banyak isu.

Selain isu pendatang tanpa izin, mereka juga berbincang mengenai kemungkinan menjadikan Pulau Batam, berhampiran Singapura sebagai Bandaraya Asean.

“Kita juga bersetuju meneruskan kerjasama mengenai penerokaan, mengeluarkan dan pemerosekan minyak di kedua-dua negara,” katanya.

Dr Mahathir juga menegaskan bahawa perbincangannya dengan Abdurrahman sangat berfaedah dan akan diteruskan setiap tahun bagi merapatkan lagi hubungan untuk dimanfaatkan oleh Malaysia dan Indonesia.